



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9000
Faks : +603-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : ME/2021/10/03
Ruj. Kami : KPM.600-8/2/7 Jld.21 (67)
Tarikh : 16 November 2021

Encik Adillah bin Abu Samah

Ketua Pegawai Eksekutif,
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd,
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park,
No.1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1,
40150 Shah Alam,
Selangor.

Tuan,

MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED-LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) UNTUK SEKOLAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK KERAJAAN DAN SEKOLAH-PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PERLAKSANAAN PROGRAM

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas serta surat yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) No. Rujukan KPM.600-8/2/7 Jld. 20 (65) bertarikh 16 Ogos 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa KPM mengambil maklum berkaitan cadangan seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami untuk melaksanakan Program Kitar Semula "X-Used-Learn & Earn" dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) serta ME12PAY Program e-Kehadiran untuk semua sekolah di seluruh Malaysia.
3. Setelah meneliti permohonan pihak tuan, dukacita dimaklumkan bahawa KPM **tidak dapat mempertimbangkan** permohonan pihak tuan. Hal ini adalah bagi memastikan keselamatan serta kesihatan guru dan murid berada dalam keadaan terjamin. Berdasarkan situasi penularan COVID-19 pada masa ini, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma kehidupan baharu semasa PKP. Keadaan ini menyebabkan banyak program yang melibatkan perjumpaan secara bersemuka dengan agensi luar tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, KPM **tidak dapat mempertimbangkan permohonan** pihak tuan dengan mengambil kira pematuhan kepada arahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara untuk menyekat penularan COVID-19. Selain itu, KPM juga berpandangan tiada keperluan untuk meneruskan program tersebut di peringkat sekolah KPM pada masa ini. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Shah Rafi Bin Ihsham Shah di talian 03-88849354 atau e-mel rafi.ihsham@moe.gov.my.

Segala perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

ZAINAL BIN ABAS

b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia
/PP2/UPDP2/NOV/2021

- s.k.
1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah Pendidikan
Semua Jabatan Pendidikan Negeri